

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT**  
**BIL. 1/2007**

---

Tarikh : 16 Mac 2007  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat,  
Pejabat Pelabuhan Sg. Udang,  
Melaka.

**Senarai Kehadiran:**

- |   |  |
|---|--|
| 1. Kapt. Ahmad bin Othman                   | Ketua Pengarah Laut<br><b>(Pengerusi)</b>                                    |
| 2. En. Baharin bin Dato' Abdul Hamid        | Timbalan Ketua Pengarah Laut<br><b>(Wakil Pengurusan Kualiti)</b>            |
| 3. Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail          | Pengarah Bahagian<br>Kawalan Industri  |
| 4. En. Noor Ariff bin Yusoff                | Pengarah Bahagian<br>Keselamatan Pelayaran                                   |
| 5. En. Roslee bin Mat Yusof                 | Pengarah Laut Wilayah<br>Utara   |
| 6. Kapt. Jailani bin Jalal                  | Pengarah Laut Wilayah<br>Tengah  |
| 7. En. Hazman bin Hussein                   | Pengarah Laut Wilayah<br>Selatan   |
| 8. Hj. Abdul Aziz bin Muhamud               | Pengarah Laut Wilayah<br>Persekutuan Labuan &<br>Laut China Selatan          |
| 9. En. Khairudin bin Abbas                  | Timbalan Wakil Pengurusan<br>Kualiti/Pengarah Bahagian<br>Khidmat Pengurusan |
| 10. Hj. Ramli bin Ahmad                     | Wakil Pengarah Bahagian<br>Hal Ehwal Pelaut dan<br>Pelabuhan                 |
| 11. En. Ir. Awang Ismail b. Hj. Mohd. Tahir | Wakil Pengarah Laut<br>Sabah   |

12. En. Sarkawi bin Numan	Wakil Pengarah Laut Sarawak
13. En. Jasari bin Awang	Wakil Pengarah Laut Wilayah Timur
14. En. Yusnan Abdul Rani	Urusetia

## **1. Perutusan Pengerusi.**

1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah serta wakil ke mesyuarat ini. Tuan Pengerusi juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Laut Wilayah Tengah kerana menguruskan tempat mesyuarat pada kali ini.

1.2 Tuan Pengerusi juga memohon maaf kerana menangguhkan mesyuarat beberapa kali kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

1.3 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan menitikberatkan keberkesanan sistem penyampaian kepada orang awam dan juga pembayaran kepada pembekal perkhidmatan dan bekalan perlu dibuat dalam tempoh 14 hari. Semua pengarah bahagian dan wilayah diminta supaya mematuhi arahan tersebut.

1.4 Tuan Pengerusi juga memaklumkan telah menerima surat jemputan dari MAMPU untuk mengambil bahagian dalam anugerah-anugerah kualiti yang dianjurkan oleh Kerajaan. Walaubagaimanapun sistem pengurusan kualiti sedia ada perlu diperbaiki dan diperkemaskan lagi sebelum mengambil bahagian dalam anugerah tersebut. Tuan Pengerusi meminta sekiranya ada bahagian atau unit yang telah bersedia, boleh memaklumkan kepada pihak pengurusan untuk turut serta dalam anugerah tersebut.

## **2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.**

2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

## **3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 2/2006.**

3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 2/2006 yang telah diadakan pada 4 September 2006 disahkan tanpa pindaan.

#### **4. Perkara-perkara Berbangkit.**

##### **4.1 Maklumbalas Pelanggan.**

4.1.1 Pengarah Laut Wilayah Utara memaklumkan telah mengadakan mesyuarat dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sebanyak 2 papan tanda akan dipasang oleh pihak LLM iaitu papan tanda jeti Jabatan Laut dan marina. Papan tanda sementara yang dipasang oleh Jabatan Laut Wilayah Utara telah ditanggalkan oleh pihak LLM.

##### **Tindakan: Makluman.**

##### **4.2 Laporan Audit Kualiti Dalaman.**

4.2.1 Latihan kepada kakitangan baru yang terlibat dengan proses pendaftaran kapal belum diadakan. Tuan Pengurus meminta supaya Unit Pendaftaran Kapal mengadakan latihan kepada semua kakitangan yang terlibat dengan proses tersebut.

##### **Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

4.2.2 Ketakakuran minor dan pemerhatian di Jabatan Laut Wilayah Selatan telah diambil tindakan dan semua ketakakuran tersebut telah ditutup pada 2.2.07

##### **Tindakan: Makluman.**

##### **4.3 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.**

4.3.1 Pengiraan objektif kualiti bagi Pendaftaran Kapal dikira setelah semua dokumen lengkap. Dokumen yang tidak lengkap biasanya terjadi akibat kelewatan dokumen pembatalan pendaftaran dari pelabuhan asal. Mesyuarat mencadangkan supaya dipermudahkan bentuk "Buku Besar" pendaftaran kapal. Juga dicadangkan supaya permohonan pendaftaran kapal boleh dibuat secara atas talian (online).

##### **Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

##### **4.4 Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.**

4.4.1 Bahagian Kawalan Industri telah merangka draf peraturan-peraturan seperti berikut:

- (a) Malaysia Shipping Non Convention Cargo Ships Regulations 200X
- (b) Malaysia Shipping Passenger Ship Domestic Voyages Regulations 200X

- (c) Malaysia Shipping Load Line Regulations 200X
- (d) Malaysia Shipping Registration Regulations 200X

Kesemua deraf tersebut telah dihantar ke Kementerian Pengangkutan untuk tindakan lanjut. Deraf peraturan (a) tidak dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara dan perlu dipinda. Deraf peraturan (b) perlu memasukkan feri penumpang yang melebihi 12 penumpang termasuk feri antarabangsa perlu mempunyai Voice Data Recorder (VDR).

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

4.4.2 Bahagian HEPP memaklumkan beberapa tindakan telah diambil bagi memastikan objektif kualiti tercapai. Antara lainnya ialah penggunaan Sistem Dokumentasi Pelaut (SDP) yang dapat mempertingkatkan masa penghantaran dokumen, sesi ceramah kepada pusat latihan maritim, mengedarkan senarai semak kepada pejabat pelabuhan. Mesyuarat mencadangkan supaya Bahagian HEPP memberikan latihan ulangan (refresher course) kepada kakitangan di pejabat-pejabat pelabuhan kerana kakitangan yang terlibat dengan sistem pengurusan kualiti sentiasa bertukar-tukar..

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

4.4.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran telah merancang di bawah RMK9 untuk menaiktaraf stesen pemancar DGPS di Kuantan dan Lumut. Sebanyak 2 buah stesen pemancar tambahan akan dibina di K. Besar, Kelantan dan Melaka. Tawaran tender dijangka akan dikeluarkan pada akhir bulan Mac 2007.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.**

4.5 Hal-hal Lain.

4.5.1 Tender bagi urusan perolehan perkakasan dan perisian telah dikeluarkan pada 28.2.07 dan akan ditutup pada 28.3.07. Sementara itu peningkatan rangkaian jauh (VPN) telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 5.3.07 bagi proses rundingan terus dengan TM Net.

**Tindakan: Makluman.**

4.5.2 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa hanya pejabat-pejabat pelabuhan yang telah diberikan

sijil ISO sahaja yang boleh menggunakan logo LRQA dan nombor sijil di kepala surat masing-masing.

**Tindakan: Makluman.**

4.5.3 Mesyuarat bersetuju supaya sistem pengurusan kualiti bagi proses kerja sokongan dipanjangkan pelaksanaannya di pejabat Pengarah Laut Wilayah Selatan.

**Tindakan: Wakil Pengurusan Kualiti.**

**5. Laporan Audit Kualiti Dalaman.**

5.1 Mesyuarat dimaklumkan jadual audit kualiti dalaman telah disediakan. Perancangan audit kualiti dalaman akan dilaksanakan pada bulan Mac, April dan Ogos bagi tahun 2007. Pelantikan juruaudit juga telah dibuat dan tarikh cadangan adalah pada 13 – 15 Mac 2007 dan 3 – 5 April 2007.

5.2 Laporan audit kualiti dalaman akan dilaporkan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan: Makluman.**

**6. Laporan Audit Kualiti Luaran**

6.1 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa audit kualiti luaran akan dilaksanakan pada 9 – 11 April 2007. Pejabat pelabuhan yang terlibat adalah:

- (a) Pejabat Pelabuhan K. Perlis – Persijilan Pelaut (9.4.07)
- (b) Pejabat Pelabuhan Kuah – Persijilan Pelaut (10.4.07)
- (c) Ibu Pejabat Laut – Perolehan, Pengurusan Sumber Manusia dan Bilik Fail, Rekod dan Kawalan Dokumen (11.4.07)

6.2 Semua pengarah bahagian dan wilayah diminta supaya mengambil tindakan sewajarnya terhadap ketakakuran yang telah dibangkitkan oleh LRQA pada audit yang telah dijalankan pada 25 – 28 September 2006 supaya kesemua ketakakuran tersebut dapat ditutup.

**Tindakan: Semua Pengarah Bahagian dan Wilayah.**

6.3 0609CKF01 - (a) Pejabat Pelabuhan Kemaman telah mengambil tindakan mengemaskini Manual Kualiti yang telah dipinda.

6.4 0609CKF01 – (b) Pejabat Pelabuhan Tg. Gelang telah mengambil tindakan dengan mengecop BATAL dokumen yang telah dikeluarkan selepas mengemaskini pindaan.

6.5 0609CKF01 – (c) Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, IPL dalam tindakan mengesan dua lagi Borang Penyerahan dari Jabatan Laut Wilayah Timur iaitu (27)JLWTJilid2 dan (305)JLWT bertarikh 12.10.06.

6.6 0609CKF02 – Tindakan susulan telah diambil dan kesemua ketakakuran di Jabatan Laut Wilayah Selatan dan Jabatan Laut Wilayah Utara telah ditutup.

6.7 0609CKF03 – Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengambil tindakan melengkapkan borang maklumbalas/penilaian kursus yang dihadiri oleh En. Abdul Nasar, En. Ahmad Dasha dan En. Khairudin.

6.8 0609CKF04 – Unit ISM, Bahagian Kawalan Industri telah mengambil tindakan untuk membuat pindaan terhadap prosedur dan borang-borang yang digunakan dalam proses kerja audit ISM.

6.9 0609CKF05 – Unit Pengurusan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan sedang mengambil tindakan menyediakan laporan penilaian pembekal perkhidmatan dan bekalan.

6.10 0609OCL01 – Jabatan Laut Sabah memaklumkan laporan audit kualiti dalaman dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti telah diterima.

## **7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.**

### **7.1 Bahagian Kawalan Industri.**

7.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal – Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan Ogos hingga Disember 2006 adalah tercapai. Pencapai objektif kualiti pada bulan sebelumnya telah dibincangkan di dalam mesyuarat yang lepas. Sehingga bulan Februari 2007 sebanyak 36 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan daftar dan semuanya mencapai objektif kualiti yang telah ditetapkan.

7.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM – sebanyak 142 audit telah dijalankan sepanjang tahun 2006 yang terdiri dari 109 audit bagi syarikat tempatan dan 33 audit bagi syarikat luar negara.. Secara keseluruhannya objektif kualiti bagi sistem ini adalah tercapai.

**Tindakan: Makluman.**

## 7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

7.2.1 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima – sebanyak 874 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 683 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Objektif kualiti tercapai.

7.2.2 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun – sebanyak 84 peperiksaan bahagian dek dan 54 peperiksaan bahagian enjin telah diadakan dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

### **Tindakan: Makluman.**

7.2.3 Mengeluarkan sijil kecekapan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan diterima – sejumlah 1,578 permohonan diterima pada tahun 2006. Sebanyak 100 sijil kecekapan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari. Peratus pencapaian adalah 94%. Objektif kualiti tidak tercapai kerana tempoh penghantaran dokumen dari pejabat laut wilayah ke IPL mengambil masa yang panjang dan juga terdapat permohonan yang tidak lengkap.

7.2.4 Mengeluarkan Sijil Kursus Modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 1,164 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 1,095 sijil dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja manakala 69 sijil dikeluarkan melebih tempoh tersebut. Ini adalah kerana:

- a. kegagalan pusat latihan untuk memastikan pelaut memegang kad pelaut menyukarkan pencetakan sijil.
- b. Status keputusan peserta lambat dimaklumkan melalui sistem.
- c. Kemasukan data yang tidak lengkap.
- d. Permasalahan dengan perisian serta rangkaian komputer di peringkat sekolah dan pejabat wilayah.

### **Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

## 7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

7.3.1 Memastikan keberkesanan alat bantuan pelayaran iaitu ‘availability/reliability’ mencapai tahap mengikut panduan

*International Assosiation of Lighthouse Authorities (IALA).*  
Objektif kualiti adalah tercapai.

- a. faktor ketersediaan bagi 11 rumah api di Semenanjung Malaysia adalah 100%.
- b. faktor ketersediaan bagi 50 tandarah suar dari Kuala Sungai Perak (Bagan Datoh) sehingga Melaka ialah 99.93%.
- c. faktor ketersediaan bagi 64 buah pelampung dari Kuala Sungai Perak (BaganDatoh) sehingga Melaka 99.86%.

7.3.2 Sistem Keselamatan Alur Pelayaran – kerja-kerja ukur hidrografi telah dijalankan di sebanyak 17 kuala-kuala sungai pada tahun 2006. Projek Pengerukan dijalankan pada tahun 2006 adalah sebanyak 9 projek dengan kos RM 191.7 juta dan kesemuanya adalah 4 meter dan lebih dari Datum Carta.

**Tindakan: Makluman.**

## **8. Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.**

### 8.1 Bahagian Kawalan Industri.

8.1.1 Bagi proses pengeluaran DOC bagi Kod ISM - Tuan Pengurus memaklumkan bahawa terdapat aduan secara lisan dari Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tempatan yang mencadangkan supaya juruaudit yang lebih senior menjalankan auditan di syarikat mereka.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

8.1.2 Tuan Pengurus juga meminta supaya cadangan pelanggan yang meminta supaya ada pegawai yang boleh dihubungi pada hari cuti diambil perhatian. Semua pengarah wilayah diminta supaya menyediakan nombor telefon pegawai-pegawai yang boleh dihubungi di pejabat pelabuhan masing-masing.

**Tindakan: Semua pengarah wilayah.**

8.1.3 Tuan Pengurus mencadangkan supaya Bahagian Kawalan Industri menyelaras dan mengadakan dialog dengan komuniti perkapalan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memberi penjelasan dan panduan kepada komunit perkapalan mengenai isu-isu semasa yang berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Laut.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

## 8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

8.2.1 Tuan Pengurus meminta supaya sijil kecekapan pelaut dikeluarkan secara elektronik dimana tidak memerlukan tandatangan Ketua Pengarah Laut secara manual. Ini boleh memendekkan tempoh pengeluaran sijil-sijil tersebut. Pelaksanaan kaedah tersebut perlu ada kawalan yang ketat supaya tiada penyalahgunaan atau pemalsuan dokumen.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

8.2.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan juga diminta supaya mempertingkatkan kualiti cetakan gambar pada kad pelaut kerana terdapat beberapa aduan mengenai kualiti cetakan gambar tersebut yang kurang memuaskan.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

## 8.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8.3.1 Tiada maklumbalas pelanggan diterima dari bulan September 2006 hingga Mac 2007.

**Tindakan: Makluman.**

## 9. HAL-HAL LAIN.

9.1 Tuan Pengurus meminta supaya laporan penilaian pembekal dan perkhidmatan disediakan dengan lebih terperinci seperti tarikh mula dan tamat, kategori perbekalan, perkhidmatan dan kerja serta prestasi baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan.**

## 10. Penutup.

Tuan Pengurus mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekali lagi beliau meminta supaya semua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya sistem kualiti jabatan berada pada tahap yang tinggi. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.